

# Dua minggu berkampung di PPS

Banjir di negeri ini makin teruk, paras air sungai terus meningkat

DIANA SURYA ABD WAHAB

PEKAN - Walaupun cuaca cerah dan hujan renyai sekali-sekala, ia belum mampu melegakan hati penduduk sekitar Kampung Temai di sini yang sudah hampir dua minggu berada Pusat Pemindahan Sementara (PPS) banjir di Sekolah Kebangsaan (SK) Temai.

Disebabkan kedudukan kampung itu di hilir Sungai Pahang, mangsa di pusat pemindahan belum dibenarkan pulang ke rumah masing-masing memandangkan paras air sungai terus meningkat dan sesetengah kawasan masih dalam keadaan bertahan.

Keadaan itu menyebabkan bilangan mangsa dipindahkan semakin bertambah dari semasa ke semasa.

Bagi penduduk Kampung Temai Tengah, Emasari Mat Junid, 34, dia tidak sabar untuk pulang ke rumah setelah hampir 12 hari berada di PPS itu.

"Rumah saya dah dibina tinggi, tapi air sungai yang melimpah menyebabkan saya dengan empat lagi ahli keluarga kena pindah.

"Kami cuba pulang ke rumah lepas hujan semakin reda, tapi keadaan air masih dalam jadi hasrat terbantut atas faktor keselamatan.

"Setakat ini kami masih boleh bertahan memandangkan



Sebahagian mangsa banjir yang berada di PPS SK Temai selama 12 hari, semalam.



KALSOM



ABD AZIZ



EMASARI

kan pernah juga ketika banjir besar melanda pada penghujung tahun 2013 kami berkampung di PPS ini selama lebih kurang sebulan," katanya kepada *Sinar Harian* ketika ditemui di PPS SK Temai, di sini, semalam.

Dalam pada itu, SK Temai yang penjadi PPS turut dinaiki air sedalam kira-kira satu meter.

Seramai 93 penduduk daripada 24 keluarga di ka-

wasan sekitar Temai ditempatkan di pusat itu sejak 4 Januari lalu.

Tambah Emasari, dia bersyukur banjir kali ini tidak seteruk tiga tahun lalu, namun yang membimbangkan kini hujan lebat terus turun beserta air dari hulu yang turun dengan laju.

"Walaupun dah ada di PPS, kami tetap juga bersedia. Dah diberitahu lebih awal, kalau keadaan lebih bu-

ruk dan bekalan elektrik dimatikan, kami kena pindah ke tempat lain," katanya.

Manakala bagi Abd Aziz Osman, 58, dia menjangkakan banjir berlarutan hingga ke penghujung Januari ini dan rumahnya yang terletak berdekatan sungai masih ditenggelami air. "Rumah saya paling hampir dengan sungai jadi kami

## Jumlah mangsa menurun, beberapa PPS mula ditutup

SERAMAI 53 mangsa daripada 15 keluarga yang berada di dua pusat pemindahan sementara (PPS) Dewan Orang Ramai Seri Damai dan Kampung Pahang di Kuantan dibenarkan pulang selepas ia ditutup, petang semalam.

Turut ditutup PPS di masjid Kampung Kuala Semantan, Raub apabila sembilan mangsa daripada tiga keluarga yang dipindahkan sudah dibenarkan pulang ke rumah masing-masing.

Sehingga jam 5 petang semalam, jumlah keseluruhan mangsa banjir di negeri ini seramai 1,532 daripada 396 keluarga berada di 14 PPS dengan dua daerah masih terjejas.

Pekan mencatatkan jumlah bilangan masa tertinggi dengan 1,238 mangsa daripada 315 keluarga yang kini berada di 10 PPS.

Jumlah itu menunjukkan sedikit penurunan berbanding 1,299 mangsa daripada 326 keluarga yang dilaporkan jam 10 pagi semalam.

Bagaimanapun bilangan mangsa banjir yang berada di empat pusat pemindahan di daerah Rompin iaitu di Kampung Setajam, Kampung Pianggu, Leban Chondong dan Kampung Tekek, Pulau Tioman kekal 294 mangsa daripada 81 keluarga terjejas.

sekeluarga merupakan orang pertama akan pindah ke PPS dan jadi orang terakhir dibenarkan balik.

"Sebelum ini paras air mesti berada di paras leher kira-kira dua meter, tapi kali ini masih di tahap ketinggian satu meter.

"Saya cuba nak balik rumah tengok keadaan tapi nampaknya masih belum berjaya. Apa pun kami akan pulang bila dibenarkan pihak berkuasa kerana perlu pentingkan keselamatan," katanya.

Sementara itu, bagi Kalsom Abdullah, 57, dia memendam rindu untuk pulang ke rumah kerana merasa sudah terlalu lama berada di PPS.

"Memang tiap-tiap tahun rumah dinaiki air tapi tetap rasa sedih tengok rumah tenggelam.

"Setelah beberapa hari banjir ada juga cuba balik ke rumah, air naik setinggi lima meter jadi kami sekeluarga lebih rela tinggal di PPS demi keselamatan.

"Kami di PPS dijaga dan diberi bantuan dengan baik termasuk daripada segi penjagaan kesihatan, dan kerana itu kami sentiasa mendengar arahan pihak berkuasa," katanya.

Katanya, setiap tahun berhadapan dengan bencana banjir namun kebimbangan tetap ada.

"Segala persiapan dilakukan lebih awal kerana lebih mudah bergerak dalam keluarga besar," katanya.



Keadaan Masjid Mukim Temai yang turut dinaiki air.



Mangsa banjir terpaksa menggunakan bot gentian kaca yang dibekalkan untuk urusan keluar dan masuk.



Air memenuhi di keseluruhan tingkat bawah sekolah itu.